

**NILAI BUDI MASYARAKAT MELAYU
DALAM PANTUN**

Oleh

NORITA ARIFFIN

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sastera**

Februari 2006

DEDIKASI

Sekalung kasih buat

Ayah bonda

Segala kasih tak kunjung padam

Bunga kasih buat

Suami dan anak-anak

Yang terlalu mengerti perjuangan ini

Buat guru-guru

Tanpa jemu menabur budi

Mengasuh minda anak didikmu

Buat teman-teman

Pertemuan singkat ini

Membuah pelbagai rasa

Akan kukenang

Tiada ertinya noktah ini

Jika tidak kuabadikan buat kalian

Menjadi seberkas melodi

Mengiringi irama perjuangan ini

Terima kasih semua.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

NILAI BUDI MASYARAKAT MELAYU DALAM PANTUN

Oleh

NORITA BINTI ARIFFIN

Februari 2006

Pengerusi: Arba'ie bin Sujud, PhD

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dilakukan untuk melihat nilai budi masyarakat Melayu dalam kumpulan pantun Bingkisan Permata terbitan Yayasan Karyawan tahun 2001. Dalam menganalisis pantun yang dijadikan bahan kajian, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Objektif kajian ini adalah untuk melihat nilai budi masyarakat Melayu tradisional yang diterapkan melalui pantun. Kajian terhadap aspek nilai budi ini ditumpukan kepada sembilan nilai yang utama dalam masyarakat Melayu tradisional.

Penganalisisan terhadap pantun yang dikaji berhubung nilai budi ini meliputi nilai baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesyukuran dan keberanian. Nilai tersebut meliputi aspek moral, kepercayaan, pendidikan, penghargaan dan penghormatan serta sikap dan pandangan hidup.

Berdasarkan dapatan kajian, dapat dibuat rumusan bahawa hampir keseluruhan pantun memaparkan nilai murni yang diterapkan secara langsung atau tidak melalui pemilihan kata yang amat menarik. Penggarapannya memperlihatkan nilai estetika atau keindahan yang mengandungi unsur dan persoalan nilai budi yang mencerminkan budaya masyarakat Melayu. Hal ini menggambarkan bahawa pantun yang dikaji merupakan hasil seni kesusasteraan yang menonjolkan identiti masyarakatnya. Nilai budi yang paling dominan dalam pantun yang dikaji ialah nilai kasih sayang.

Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai budi masyarakat Melayu yang ditonjolkan dalam kajian ini menepati kajian yang pernah dilakukan oleh para sarjana atau sejarawan berhubung nilai budi masyarakat Melayu. Kajian yang dilakukan dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu ini, berfokus kepada pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan, pendekatan seni dan pendekatan dakwah. Penggunaan teknik tersebut telah dapat membuktikan bahawa wujudnya nilai budi yang diterapkan melalui pantun. Hasil kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang nilai budi masyarakat Melayu dalam pantun ciptaan mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

POSITIVE VALUES OF THE MALAYS IN MALAY POEMS (PANTUN)

By

NORITA ARIFFIN

February 2006

Chairman: **Arbaie bin Sujud, PhD**

Faculty: **Modern Languages and Communication**

This research is carried out to look at the positive values of the Malays which are found in the compilation of Malay poems (pantun) from a book, Bingkisan Permata published by Yayasan Karyawan in the year 2001. In analyzing these poems, the researcher uses the approach of Malay Methodology (Teori Pengkaedahan Melayu) by Hashim Awang. The objective of this study is to look at the positive values practiced by the traditional Malay community which is portrayed through the poems. This research concentrates on the nine key-values practiced by the traditional Malay community.

These values include good heartedness, integrity, respectfulness, compassion, honesty, cooperativeness, thankfulness and courage. These values encompass the aspects of morality, beliefs, education, gratitude, honour and the positive outlook on life.

Based on the result of research, it can be concluded that almost all poems (pantun) portray positive values that are applied directly or indirectly through attractive word chosen. Its portrayal displays aesthetic values or beauty that encompass elements of positive values which reflect the culture of the Malay society. This indicates that poems being analyzed are the result of arts literature projecting the identity of its society. The most dominant value portrayed in the poem being analyzed is compassion.

The result of this study shows that the positive values used in this research are in line with earlier researches that has been done by academics and historians on the related subjects. This research which uses the Theory of Malay Methodology, focuses on the moral approach, the societal approach, the artistic approach and the religious approach. The particular technique employed proves the existence of positive values in the poems. The result of this study enable a clear portrayal of Malay society values in their poems (pantun).

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih
Lagi Maha Penyayang

Syukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan inayah-Nya telah memberi kekuatan dan keyakinan untuk pengkaji menunaikan tanggungjawab menyelesaikan kerja-kerja penulisan tesis ini. Semasa menyempurnakan kajian ini pengkaji mendapat sokongan, bantuan dan kerjasama daripada pelbagai pihak.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada penyelia tesis ini, Dr. Arba'ie Sujud, pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, yang begitu ikhlas, komited, dan tidak jemu membimbang, memberi tunjuk ajar dan galakan sehingga pengkaji berjaya menyiapkan tesis ini. Hanya Allah juga yang membalasnya.

Pengkaji juga mengalungkan penghargaan dan terima kasih kepada jawatankuasa penyelia, Dr. Abd. Rahim Marasidi dan Dr. Samsina Abd. Rahman yang memberikan tunjuk ajar bernilai. Terima kasih buat semua pensyarah, yang telah mencerahkan ilmu sepanjang tempoh pengajian pengkaji. Tanpa manfaat ilmu yang pengkaji perolehi, penulisan ini tidak akan terhasil.

Untuk bonda Hjh. Fatimah Mohd Hussain dan ayahanda Hj. Ariffin Md. Zain, doa dan restu kalian menambah keberkatan ilmu yang ditimba. Begitu juga buat bonda mertua, Hjh. Ngah Adam yang turut membantu menjaga anak-anakku di rumah, terima kasih bonda kerana memahami tugas anakanda ini.

Teristimewa buat suami, Zulkefli Harun dan anak-anak, Zulhilmi Syauqi, Nur Faiqah, Nur Asyiqin, Zulkhairi Luqman, dan Nur Qistina, yang sentiasa meniupkan semangat, tabah dan penuh simpati terhadap tugas ibu selama ini. Kesabaran dan keriangan kalian merupakan penawar hidup yang penuh bererti. Sumbangan material, tenaga dan spiritual kalian adalah pendorong utama kejayaan ini.

Akhir kata, semoga kajian ini dapat mendatangkan manfaat kepada yang menimba ilmu dan mudah-mudahan dapat memperkaya khazanah bahasa dan budaya bangsa untuk tatapan dan rujukan pengkaji seterusnya. Segala kelebihan dan manfaat ilmu dalam penulisan ini adalah hak Allah, manakala kelemahan dan kekurangan adalah atas kejahilan pengkaji sendiri.

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan bagi Norita Ariffin telah mengadakan peperiksaan akhir pada 21 Februari 2006 untuk menilai tesis Master Sastera beliau bertajuk “Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut:

Abdul Rashid Daing Melebek, PhD

Pensyarah

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Che Ibrahim Salleh, PhD

Prof. Madya

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Mahmood Musanif, PhD

Prof. Madya

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Hashim Ismail, PhD

Prof. Madya

Jabatan Kesusastraan Melayu

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya

(Pemeriksa Luar)

ZAKARIAH ABDUL RASHID, PhD

Profesor / Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan terdiri daripada:

Arba'ie Sujud, PhD
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abd. Rahim Marasidi, PhD
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Samsina Abd. Rahman, PhD
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD
Profesor/Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi pengajian tinggi yang lain.

NORITA ARIFFIN

Tarikh: 10 April 2006

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|--------------------------|-----|
| DEDIKASI | ii |
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | v |
| PENGHARGAAN | vii |
| PENGESAHAN | ix |
| PERAKUAN | xi |
| SENARAI KANDUNGAN | xii |
| SENARAI RAJAH | xiv |
| SENARAI JADUAL | xv |

BAB

| | | |
|------------|---------------------------------------|-----|
| I | PENDAHULUAN | |
| | Pengenalan | 1 |
| | Pernyataan Masalah | 8 |
| | Objektif Kajian | 14 |
| | Kepentingan Kajian | 14 |
| | Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian | 15 |
| | Definisi Konsep | 23 |
| II | SOROTAN LITERATUR | |
| | Kajian Pengkaji Tempatan | 38 |
| III | METODOLOGI KAJIAN | |
| | Pengenalan | 53 |
| | Pendekatan Kajian | 53 |
| | Analisis Data | 54 |
| | Teori Pengkaedahan Melayu | 54 |
| IV | ANALISIS KAJIAN | |
| | Latar Nilai | 65 |
| | Penerapan Nilai Budi | 66 |
| | Analisis Nilai Budi Masyarakat Melayu | |
| | Baik Hati | 68 |
| | Hemah Tinggi | 79 |
| | Hormat Menghormati | 86 |
| | Kasih Sayang | 93 |
| | Kejujuran | 98 |
| | Kerajinan | 107 |
| | Kerjasama | 110 |
| | Kesyukuran | 114 |

| | | |
|----------|--------------------------------|-----|
| | Keberanian | 119 |
| V | KESIMPULAN DAN CADANGAN | 123 |
| | Pengenalan | 123 |
| | Kesimpulan | 125 |
| | Cadangan | 127 |
| | BIBLIOGRAFI | 133 |
| | LAMPIRAN | 140 |
| | BIODATA PENULIS | 154 |